

**Kita lebih baik dari Singapura, 'so-so' jiran Asean, dan AS, kata Dr M  
Malaysian Insider  
6 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 Sept — Malaysia masih lagi negara yang sesuai didami berbanding Singapura yang mana "15 peratus populasinya dilayan seperti kelas kedua," atau Amerika Syarikat yang lebih banyak ketidakadilan, atau jiran Asean yang "so-so", kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Kenyataan itu dikeluarkan beliau apabila Barisan Nasional (BN) mengambil tindakan terhadap aktivis yang memijak gambar pemimpin Umno ketika malam anjungan Merdeka minggu lalu, dan menuduh Pakatan Rakyat (PR).

"Kita sudah berusia 55 tahun. Negara yang dirahmati dengan pelbagai etnik ini telah merdeka selama 55 tahun. Bagi sesetengah rakyat Malaysia berusia 55 tahun, bebas daripada kekuasaan asing bukanlah perkara yang penting. Memang kita telah bebas, jadi?"

"Jalur Gemilang! hanya sehelai kain buruk. Ia boleh dalam warna apa pun. Apa yang bagus sangat berkenaan jalur, bintang dan bulan. Kenapa kami perlu setia kepada kain yang berwarna?" kata bekas perdana menteri itu dalam blognya hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau sentiasa gembira dengan kemerdekaan, kerana sebagai rakyat Malaysia beliau tidak perlu memanggil bangsa asing sebagai tuan.

"Di Amerika lebih banyak ketidakadilan dengan 1% tersangat kaya dan 99% miskin, menurut Nobel Laureate economist Joseph Stiglitz ... dan di ASEAN. Singapura telah melakukan yang terbaik. Namun rakyat masih lagi tidak berpuas hati. 15% populasinya dilayan seperti rakyat kelas kedua. Mereka miskin. Negara lain 'so-so.'

"Adakah saya bodoh? Namun tiada tempat lain lagi yang saya inginkan selain Malaysia. Memang ia bukan negara sempurna. Saya juga tidak suka melihat beberapa perkara yang saya lihat. Namun dari segi kesamarataan, ia lebih banyak baiknya di Malaysia merdeka berbanding perkara buruk."

Telah berlaku lebih banyak pembaharuan dari segi politik dan ekonomi dengan kekalahan BN, dua pertiga majoriti Parlimen pada Pilihan raya 2008.

Datuk Seri Najib Razak juga turut menghapuskan akta drakonian ketika zaman darurat dan memperkenalkan transformasi ekonomi bagi menghadapi persiapan pertamanya menghadapi pilihan raya sebagai perdana menteri.

Malaysia juga mengalami kekurangan tenaga mahir professional berbanding negara yang lebih pantas dan cerah masa depannya untuk hidup dan bekerja, Singapura dari segi jumlahnya.

Dr Mahathir juga turut menyebut kekurangan kerajaan sekarang, yang dikuasai sejak Merdeka oleh partinya, Umno apabila mengatakan lebih banyak baik berbanding buruknya di Malaysia ini.

"Saya digugur dari parti. Saya disisih. Ada yang mendakwa mereka diseksa. Mungkin benar. Namun itu bukan polisi kerajaan.

"Undang-undang tidak membenarkan walaupun ada negara yang membenarkan penyeksaan dilakukan."

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kita-lebih-baik-dari-singapura-so-so-jiran-asean-dan-as-kata-dr-m/>